



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2006

**PENAMBAHAN KEKERAPAN PELAKSANAAN DAN PELUANG
MENDUDUKI PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan untuk menambah kekerapan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi memberi peluang kepada pegawai menduduki PTK lebih daripada sekali setahun.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan semasa menetapkan setiap pegawai dibenarkan menduduki PTK hanya sekali setahun. Kerajaan telah meneliti peraturan ini dan membuat keputusan untuk membenarkan pegawai menduduki PTK lebih daripada sekali setahun.

PENAMBAHAN PELUANG MENDUDUKI PTK

3. Penambahan peluang menduduki PTK hendaklah berdasarkan kepada prinsip berikut:

- 3.1 PTK hendaklah ditambah kekerapan pelaksanaannya bagi membolehkan pegawai berpeluang menduduki PTK sehingga empat (4) kali setahun;
- 3.2 pegawai diberi peluang menduduki PTK lebih daripada sekali setahun bagi Tahap Kecekapan (TK) yang beliau layak setelah memperolehi keputusan PTK yang terdahulu; dan
- 3.3 pegawai di gred lantikan pada peringkat gaji P2 dan P3 hendaklah membuat pilihan sama ada menduduki TK1 atau TK2 dalam sesuatu PTK berkaitan.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI

4. Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) Kementerian/Negeri/Agensi hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 4.1 meminda peruntukan mengenai kekerapan pelaksanaan PTK dalam sukatan peperiksaan/penilaian;
- 4.2 memastikan keputusan PTK dikeluarkan lebih cepat supaya pegawai berpeluang menduduki PTK berikutnya; dan
- 4.3 memastikan urusan lain yang berkaitan seperti mengkaji semula sistem kerja, merancang aktiviti penyediaan jadual PTK, penggubalan soalan, mesyuarat panel dan mesyuarat LPK dilaksanakan.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pengurusan Kompetensi
Aras 5 - 6, Sapura @ Mines
No.7 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Telefon : 03-8946 4500
No. Faks : 03-8946 4541 / 8946 0211
e-mel : ptk@jpa.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUTRAJAYA

26 Jun 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan